

Headline **87,710 hidap Aids**
Date **19 Mar 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **Idris Musa**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **52**
Article Size **195 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,193**
PRValue **12,578**



Parlimen

87,710 hidap Aids

Idris Musa

KUALA LUMPUR: Sehingga akhir 2009, jumlah terkumpul kes HIV dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan adalah 87,710 orang dan daripada jumlah itu 15,317 orang adalah penghidap Aids, dengan 13,394 kematian.

Ini sekali gus menjadikan mereka yang masih hidup dengan virus HIV 74,316 orang, Dewan Rakyat, diberitahu, semalam.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, berkata daripada jumlah kes dilaporkan, 62,953 kes membabitkan Melayu, 12,887 (Cina), 6,929 (India), 2,200 (Bumiputera Sarawak), 630 (Bumiputera Sabah), 478 (lain-lain kaum), 1,298 (warga asing) manakala 535 kes tidak diketahui status bangsa.

Menurutnya, pecahan kes mengikut negeri menunjukkan Johor tertinggi dengan 14,600 kes, diikuti Selangor (11,859), Kelantan (9,891), Pahang (9,036), Terengganu



ROSNAH...kesan HIV

(8,269), Negeri Sembilan (6,455), Kuala Lumpur (6,604), Perak (5,789), Kedah (5,784), Pulau Pinang (3,514), Melaka (2,687), Perlis (1,175), Sarawak (1,066) dan Sabah (971).

"Malaysia menetapkan Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) untuk menurunkan kadar jangkitan HIV baru daripada 21.7 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 11 bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2015.

"Pada 2009, 3,080 kes baru HIV dikesan atau kadar jangkitan HIV baru 10.8 bagi setiap 100,000 penduduk.

"Kerajaan berjaya mencapai sasaran MDG enam tahun lebih awal daripada tarikh sasaran. Kejayaan ini hasil perancangan teliti dan ra-

pi serta komitmen tinggi kerajaan melalui Pelan Strategik Kebangsaan," katanya, ketika menjawab soalan Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani) yang bertanya mengenai statistik dan rancangan kerajaan memerangi wabak itu.

Rosnah berkata, enam strategi dibentuk bawah Pelan Strategik Kebangsaan mengenai Aids, membabitkan aspek pengukuhan kepimpinan, pengukuhan kemudahan pencegahan, rawatan dan sokongan, peningkatan latihan bagi pencegahan, pengurangan risiko kepada penagih dadah dan pasangannya, pengurangan kerapuhan kepada HIV/Aids di kalangan wanita, remaja, belia serta kanak-kanak dan kumpulan terpinggir.

Katanya, beberapa perkara dilaksanakan bagi merealisasikan strategi itu, antaranya aktiviti pendidikan kesihatan komuniti, perkhidmatan ujian saringan HIV dan kaunseling serta program Pengurangan Mudarat, program pencegahan HIV daripada ibu kepada anak.